

H0272101 KA1323004695 13/02/2023 17:37:43

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI ALOR SETAR

DALAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN, MALAYSIA ..... 16.00 x 1

Jumlah RM\*\*\*\*\*16.00

GUAMAN NO.: KA-23CY-4-12/2022

**ANTARA**

**YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM**

**...PLAINTIF**

**DAN**

**DATO' SERI HAJI MUHAMMAD SANUSI BIN MD NOR**

**...DEFENDAN**

**PENYATAAN PEMBELAAN DEFENDAN**

1. Pembelaan ini difaikkan tanpa prejudis kepada hak Defendan untuk membatalkan sebahagian atau keseluruhan pliding Pernyataan Tuntutan Plaintiff.
2. Defendan turut merizabkan hak Defendan untuk memfailkan apa-apa permohonan interlokutori.

**BAHAGIAN A - PIHAK PIHAK TERLIBAT**

3. Perenggan 1 Pernyataan Tuntutan adalah pengenalan diri Plaintiff dan diakui.
4. Perenggan 2 Pernyataan Tuntutan adalah diakui.
5. Defendan merujuk kepada Perenggan 3 Pernyataan Tuntutan dan dengan ini mengakui keseluruhan kenyataan tersebut.
6. Perenggan 4 hingga Perenggan 5 Pernyataan Tuntutan adalah diakui setakat fakta bahawa Defendan telah memberikan ucapan dalam satu sesi kempen pilihanraya ‘Jelajah PN Best Tambun’ (“**Ucapan tersebut**”) kecuali apa-apa perihal berkenaan wujudnya unsur fitnah dalam Ucapan tersebut. Defendan



S/N rwYbwWCgbE6QRCTwYgbRw

\*\*Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

meletakkan beban bukti ke atas Plaintiff untuk membuktikan kenyataan-kenyataan yang kononnya dibuat oleh Defendan sebagaimana Ucapan tersebut pada keseluruhannya.

7. Perenggan 6 Penyataan Tuntutan adalah dirujuk dan Defendan menafikan bahawa kenyataan-kenyataan itu berbentuk fitnah. Defendan juga dengan ini memplidkan seperti berikut:

- 7.1 bahawa kenyataan-kenyataan Defendan dalam Ucapan tersebut perlu didengar secara keseluruhan berdasarkan kepada maksud dan konteks ianya dinyatakan.
- 7.2 Plaintiff sekadar memberikan cuplikan daripada kenyataan penuh yang terkandung dalam Ucapan tersebut yang mana adalah tidak adil dan munasabah untuk dikaitkan dengan unsur fitnah.

## **BAHAGIAN B - LATAR BELAKANG DAN KEADAAN**

### **B1. PERIHAL PEMECATAN PLAINTIF DARIPADA UMNO, JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN UMNO, TIMBALAN PERDANA MENTERI & MENTERI KEWANGAN**

8. Umum mengetahui, bahawa pada September 1998, Plaintiff telah dipecat daripada jawatannya dalam kabinet selaku Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan oleh Perdana Menteri Ke-4, Tun Dr. Mahathir Mohamad.
9. Kemudiannya, Plaintiff juga telah dipecat oleh Majlis Tertinggi UMNO daripada memegang jawatan Timbalan Presiden UMNO dan juga sebagai ahli.
10. Berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dan oleh beberapa ahli Majlis Tertinggi UMNO pada ketika itu, Plaintiff telah dipecat kerana melakukan perbuatan-perbuatan tidak bermoral yang menjadikan Plaintiff tidak layak menjadi pemimpin negara.



## B2. PERIHAL PENDAKWAAN, SABITAN SERTA HUKUMAN TERHADAP PLAINTIF

### Pertuduhan Jenayah Salah Guna Kuasa

11. Umum mengetahui bahawa pada tahun 1999, Plaintiff telah dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan salah guna kuasa yang mana butirannya adalah seperimana berikut:
  - 11.1 Bahawa Plaintiff telah menghadapi pendakwaan di bawah Seksyen 2(1) Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (No. 22) 1970 (“**Ordinan**”) atas empat (4) pertuduhan salah guna kuasa;
  - 11.2 Pertuduhan yang dihadapi oleh Plaintiff secara rangkumannya menyatakan bahawa Plaintiff semasa memegang jawatan selaku ahli pentadbiran (member of administration), telah secara salah menggunakan jawatan awamnya (public office) untuk kepentingan peribadi apabila mengarahkan dua pegawai polis berpangkat tinggi untuk mendapatkan empat kenyataan bertulis daripada Azizan Abu Bakar dan Ummi Hafilda Ali yang menyangkal tuduhan salah laku seksual dan liwat terhadap Plaintiff yang bertujuan menyelamatkan Plaintiff daripada rasa malu dan dakwaan jenayah yang bertentangan dengan Ordinan tersebut (“**Pertuduhan Jenayah Salah Guna Kuasa**”);
  - 11.3 Perbicaraan Pertuduhan Jenayah Salah Guna Kuasa tersebut telah dijalankan di Mahkamah Tinggi Malaya Kuala Lumpur yang mana Hakim Mahkamah Tinggi (pada ketika itu); YA Augustine Paul telah memutuskan bahawa Plaintiff bersalah atas Pertuduhan Jenayah Salah Guna Kuasa tersebut dan lanjutan daripada itu, Plaintiff dijatuhkan hukuman enam tahun penjara bagi setiap pertuduhan (**rujuk Penghakiman dalam PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim (No 3) [1999] 2 CLJ 215**);



- 11.4 Plaintiff telah membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan yang mana rayuan Plaintiff telah ditolak dan Mahkamah Rayuan telah mengekalkan sabitan yang diberikan oleh Mahkamah Tinggi (**rujuk Penghakiman dalam *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP [2000] 2 CLJ 695***); dan
- 11.5 Rayuan Plaintiff ke Mahkamah Persekutuan juga telah ditolak yang mana Mahkamah Persekutuan juga telah mengekalkan sabitan yang diberikan oleh Mahkamah Tinggi (**rujuk Penghakiman dalam *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP [2002] 3 CLJ 457***)

Pertuduhan Jenayah Liwat I

12. Umum mengetahui bahawa pada tahun 2001, Plaintiff telah dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan liwat yang mana butirannya adalah sepetimana berikut:
  - 12.1 Bahawa Plaintiff telah menghadapi pendakwaan di bawah Seksyen 377B Kanun Keseksaan atas pertuduhan melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii dengan individu bernama Azizan Abu Bakar ("**Pertuduhan Jenayah Liwat I**");
  - 12.2 Perbicaraan Pertuduhan Jenayah Liwat I tersebut telah dijalankan di Mahkamah Tinggi Malaya Kuala Lumpur yang mana Hakim Mahkamah Tinggi (pada ketika itu); YA Ariffin Jaka telah memutuskan bahawa Plaintiff bersalah atas Pertuduhan Jenayah Liwat I tersebut dan lanjutan daripada itu, Plaintiff dijatuhkan hukuman sembilan tahun penjara (**rujuk Penghakiman dalam *PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim [2001] 3 CLJ 313***);
  - 12.3 Plaintiff telah membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan yang mana rayuan Plaintiff telah ditolak dan Mahkamah Rayuan telah mengekalkan sabitan yang diberikan oleh Mahkamah Tinggi (**rujuk Penghakiman dalam *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP [2003] 4 CLJ 409***);



- 12.4 Plaintiff kemudiannya telah membuat rayuan ke Mahkamah Persekutuan yang mana Mahkamah Persekutuan secara majoriti (YA Abdul Hamid Mohamad & YA Tengku Baharudin menyokong manakala YA Rahmah Hussain menentang) telah menolak sabitan yang diberikan oleh Mahkamah Tinggi (**rujuk Penghakiman dalam Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another Appeal [2004] 3 CLJ 737**);
- 12.5 Dalam penghakiman bertulis Mahkamah Persekutuan, Yang Arif Hakim Tun Abdul Hamid Mohamad telah menyatakan bahawa tertuduh (merujuk kepada Plaintiff) adalah seorang yang terlibat dalam aktiviti homoseksual (“**Kenyataan tersebut**”). Petikan penghakiman bertulis yang berkaitan adalah seperti mana berikut (**rujuk Penghakiman dalam Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another Appeal [2004] 3 CLJ 737**):

*“To summarise our judgment, even though reading the appeal record, we find evidence to confirm that the appellants were involved in homosexual activities and we are more inclined to believe that the alleged incident at Tivoli Villa did happen, sometime, this court, as a court of law, may only convict the appellants if the prosecution has successfully proved the alleged offences as stated in the charges, beyond reasonable doubt, on admissible evidence and in accordance with established principles of law. We may be convinced in our minds of the guilt or innocence of the appellants but our decision must only be based on the evidence adduced and nothing else...” (Penekanan ditambah)*

- 12.6 Pada sekitar tahun 2014, Plaintiff telah memfailkan satu permohonan Semakan di Mahkamah Persekutuan di bawah Aturan 137 Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995 bagi tujuan mengeluarkan Kenyataan tersebut daripada Penghakiman Mahkamah Persekutuan,



namun begitu, telah ditolak oleh Mahkamah Persekutuan pada 26.03.2014. Kenyataan tersebut sehingga kini menjadi rekod kekal di dalam keseluruhan Penghakiman Mahkamah Persekutuan terhadap Plaintiff berkaitan Pertuduhan Jenayah Liwat I tersebut (**rujuk Penghakiman dalam Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP [2014] 3 CLJ 545**); dan

- 12.7 Tun Abdul Hamid Mohamad; selepas bersara sebagai bekas Ketua Hakim Negara telah mengulangi kandungan Kenyataan tersebut dalam satu penulisan beliau yang bertajuk "**Kuasa Ke Atas Keadilan**" pada 31.08.2018 bahawa beliau dan Yang Arif Tengku Baharuddin membebaskan Plaintiff dalam Pertuduhan Jenayah Liwat I, bukan kerana mereka tidak percaya Plaintiff melakukannya (liwat), tetapi semata-mata kerana tidak cukup keterangan yang boleh diterima mengikut undang-undang, yang dikemukakan di mahkamah untuk mensabitkannya.

#### Pertuduhan Jenayah Liwat II

13. Umum juga turut mengetahui bahawa pada tahun 2008, Plaintiff telah dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan liwat yang mana butirannya adalah sepetimana berikut:
  - 13.1 Bahawa Plaintiff telah menghadapi pendakwaan di bawah Seksyen 377B Kanun Keseksaan atas pertuduhan melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii dengan individu bernama Saiful Bukhari Azlan ("**Pertuduhan Jenayah Liwat II**");
  - 13.2 Perbicaraan Pertuduhan Jenayah Liwat II tersebut telah dijalankan di Mahkamah Tinggi Malaya Kuala Lumpur pada 2010 yang mana Hakim Mahkamah Tinggi (pada ketika itu); YA Mohamad Zabidin Mohd Diah telah memutuskan bahawa Plaintiff tidak bersalah atas Pertuduhan Jenayah Liwat II tersebut kerana Plaintiff mempunyai pembelaan walaupun pihak pendakwaan telah terdahulu membuktikan kes prima



facie (**rujuk Penghakiman dalam PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim [2012] 4 MLRH 6**);

- 13.3 Pihak pendakwaan mengemukakan petisyen rayuan ke Mahkamah Rayuan pada 2012 yang mana Mahkamah Rayuan telah sebulat suara membenarkan rayuan pihak pendakwaan dan telah mendapati bahawa Plaintiff bersalah ke atas Pertuduhan Jenayah Liwat II tersebut. Plaintiff telah dikenakan hukuman penjara selama lima tahun (**rujuk Penghakiman dalam PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim [2014] 4 CLJ 162**); dan
- 13.4 Plaintiff kemudiannya telah membuat rayuan ke Mahkamah Persekutuan yang mana Mahkamah Persekutuan juga secara sebulat suara telah menolak rayuan Plaintiff dan mengekalkan sabitan yang diberikan oleh Mahkamah Rayuan (**rujuk Penghakiman dalam Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another Appeal [2015] 2 CLJ 145**).

### B3. PERIHAL PENGAMPUNAN KE ATAS PLAINTIF

#### Kronologi

14. Dalam suatu sidang media pada 11.05.2018, iaitu dua hari selepas pembentukan kerajaan baharu di peringkat persekutuan selepas Pilihanraya Umum Ke-14, Perdana Menteri Malaysia Ke-7; Tun Dr. Mahathir bin Mohamed telah mengumumkan bahawa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV (“**YDPA**”) telah bersetuju untuk memberikan pengampunan penuh (full pardon) kepada Plaintiff (“**Kenyataan Media PM7**”).
15. Manakala Lembaga Pengampunan pula telah bersidang pada 16.05.2018 sebagaimana yang telah dinyatakan dalam kenyataan media bertulis oleh Datuk Pengelola Bijaya Diraja bagi pihak Istana Negara bertarikh 16.05.2018 iaitu lima hari selepas Kenyataan Media PM7 tersebut diterbitkan kepada masyarakat umum (“**Persidangan Lembaga Pengampunan**”).



16. Lanjutan daripada Persidangan Lembaga Pengampunan tersebut, YDPA telah menitah perkenan bahawa rayuan “pengampunan penuh” Plaintiff dibenarkan dan Plaintiff hendaklah dilepaskan setelah menjalani hukuman penjara selama kira-kira 4 tahun lebih, berhubung sabitan oleh Mahkamah Persekutuan terhadap Plaintiff bersabit Pertuduhan Jenayah Liwat II.
17. Plaintiff kemudiannya telah dibebaskan daripada penjara pada 08.06.2018 sebagaimana yang telah dilaporkan oleh media arus perdana melalui portal-portal atas talian.
18. Defendan selanjutnya memplidkan bahawa berdasarkan rekod dan sumber yang boleh didapati pada ketika Ucapan tersebut dibuat oleh Defendan, berikut adalah fakta-fakta jelas yang juga berlaku pada masa itu:
  - 18.1 Lembaga Pengampunan yang telah bersidang pada 16.05.2018 pula telah diadakan tanpa kehadiran Peguam Negara pada ketika itu; Tan Sri Mohamed Apandi Ali;
  - 18.2 Pada ketika persidangan Lembaga Pengampunan pada 16.05.2018, ianya juga diadakan tanpa kehadiran seorang Menteri Wilayah selaku salah seorang ahli lembaga yang mana kerajaan persekutuan pada masa itu belum melantik mana-mana individu sebagai Menteri Wilayah sehingga Khalid Samad mengangkat sumpah selaku Menteri Wilayah pada 02.07.2018; dan
  - 18.3 Bahawa Perintah Pengampunan Penuh dan Pengampunan Serta Merta sebagaimana yang dikeluarkan kepada Ketua Pengarah Penjara Malaysia oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad atas titah dan atas cop mohor YDPA (**“Perintah Pengampunan Penuh dan Pengampunan Serta Merta”**) menyatakan bahawa pengampunan tersebut diberikan berkait dengan sabitan Plaintiff atas Pertuduhan Jenayah Liwat II sahaja **tanpa menyebut sabitan atau pertuduhan dalam kes-kes yang lain.**



## Tanggapan & Persepsi Masyarakat

19. Defendan selanjutnya memplidkan bahawa berdasarkan rekod dan sumber yang boleh didapati sebelum Ucapan tersebut dibuat oleh Defendan, telah wujud tanggapan dan/atau persepsi dan/atau andaian yang munasabah oleh masyarakat bahawasanya keputusan untuk memberi pengampunan kepada Plaintiff sudah pun diputuskan lebih awal sebelum Lembaga Pengampunan bersidang pada 16.05.2018 (selepas ini dirujuk sebagai "**Persepsi dan Andaian Munasabah tersebut**") berdasarkan kepada fakta-fakta berikut: -
- 19.1 **11.05.2018** - Kenyataan Media PM7 tersebut telah memberi gambaran bahawa YDPA telah, secara prinsipnya, bersetuju untuk memberikan pengampunan kepada Plaintiff walaupun Lembaga Pengampunan masih lagi belum dibentuk dengan sempurna dan belum lagi bersidang;
- 19.2 **31.08.2018** - Bekas Ketua Hakim Negara; Tun Abdul Hamid Mohamad dalam satu penulisan beliau yang bertajuk "**Kuasa Ke Atas Keadilan**" telah menyatakan seperti berikut:
- (a) bahawa YDPA tidak seharusnya menjanjikan kepada PM7 semasa sebelum Lembaga Pengampunan mengadakan mesyuaratnya bahawa Plaintiff akan diampunkan;
  - (b) bahawa YDPA tidak seharusnya menerima Plaintiff menghadap, semasa Plaintiff masih lagi seorang banduan; dan
  - (c) bahawa YDPA tidak seharusnya memberitahu Plaintiff bahawa beliau akan diampunkan sebelum Lembaga Pengampunan mengadakan mesyuaratnya;
- 19.3 **17.10.2022** - Perdana Menteri Malaysia ke-9; Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob juga melalui kenyataan media telah mempersoalkan



- keabsahan pengampunan yang diperolehi Plaintiff seperti yang telah dilaporkan oleh media arus perdana;
- 19.4 **20.12.2022** - Plaintiff juga pada satu sidang parlimen telah menyebut bahawa YDPA telah pun menghubungi beliau dan menyatakan bahawa baginda bersetuju untuk memberikan pengampunan kepada beliau sebelum Lembaga Pengampunan bersidang. Ucapan Plaintiff di Dewan Rakyat tersebut diulangi secara *verbatim* sebagaimana berikut:

*“...semasa saya masih lagi di rehab centre, ada yang mengaitkan tentang, menyebut nama Yang di-Pertuan Agong, Arau. Saya nak jelaskan di sini, saya sebut ini fakta..menelefon saya menyatakan.. Anwar, saya akan berikan pengampunan penuh kerana saya ikuti perkembangan trial saudara, clear traversity of justice, saya quote ni phrase yang digunakan oleh Yang di-Pertuan Agong adalah ‘traversity of justice’ perlanggaran prinsip keadilan, dan oleh demikian saya akan memberikan pengampunan penuh sesegera mungkin”*

- 19.5 **Pada sekitar bulan Februari 2020** - Seorang individu telah memfailkan satu tindakan saman ke atas Lembaga Pengampunan dan ke atas Plaintiff di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang antara lainnya mencabar keabsahan Lembaga Pengampunan yang bersidang pada 16.05.2018 dan prosiding berkenaan kes tersebut masih lagi berjalan di Mahkamah pada ketika Ucapan tersebut dikeluarkan.

#### **B4. PERIHAL DAKWAAN SERANGAN SEKSUAL**

20. Umum mengetahui bahawa bekas pembantu penyelidik kepada Plaintiff; Muhammed Yusoff Rawther (“**Yusoff Rawther**”) yang juga cucu kepada aktivis persatuan pengguna; SM Mohamed Idris telah memfailkan tindakan



saman ke atas Plaintiff atas dakwaan bahawa Plaintiff telah melakukan serangan seksual ke atas beliau.

21. Serangan seksual tersebut dikatakan berlaku pada 2.10.2018 di kediaman Plaintiff di Segambut apabila Yusoff Rawther diminta oleh Setiausaha Sulit Plaintiff untuk menyerahkan sendiri teks ucapan sempena sambutan ulang tahun ke-150 Mahatma Gandhi anjuran Pejabat Pesuruhjaya Tinggi India kepada Plaintiff.
22. Yusoff Rawther juga telah membuat satu laporan polis terhadap Plaintiff pada 7.12.2019 di Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul dan akuan sumpah yang memperincikan tentang bagaimana serangan seksual tersebut berlaku.

#### **BAHAGIAN C - PENERBITAN OLEH MALAYSIAKINI**

23. Defendan merujuk kepada keseluruhan Perenggan 7 Penyataan Tuntutan dan diakui setakat fakta bahawa terdapat satu artikel dalam versi Bahasa Melayu bertajuk “Kes liwat Anwar: Dulu kesian sungguh, sekarang PAS kata kena ‘pikiaq’” bertarikh 14.11.2022 dan dalam versi Bahasa Inggeris yang ditulis oleh Isabelle Leong dan Ng Xiang Yi dan dikeluarkan oleh portal MalaysiaKini (“**Artikel portal MalaysiaKini**”). Defendan selanjutnya memplidkan seperti berikut:
  - 23.1 Pengeluaran Artikel portal MalaysiaKini tersebut adalah di luar kawalan Defendan yang mana ianya dibuat tanpa pengetahuan dan/atau arahan daripada Defendan;
  - 23.2 Defendan tidak pernah dihubungi oleh MalaysiaKini mahupun penulis-penulis Artikel portal MalaysiaKini tersebut bagi tujuan menyemak keesahan kenyataan yang kononnya dibuat oleh Defendan dan/atau bagi mendapatkan gambaran sepenuhnya tentang maksud dan konteks sebenar Ucapan tersebut;



- 23.3 Dalam apa jua keadaan, Artikel portal MalaysiaKini tersebut adalah satu bahan berita bertulis yang diolah sendiri mengikut idea dan kreativiti penulis-penulis dan bukannya oleh Defendan.
- 23.4 Oleh yang demikian, Defendan tidak boleh dipertanggungjawab atas apa-apa kandungan Artikel portal MalaysiaKini yang boleh disifatkan sebagai pensensasian berita dan/atau membawa maksud fitnah ke atas Plaintiff; dan
- 23.5 Defendan dengan ini meletakkan beban bukti ke atas Plaintiff untuk membuktikan bahawa Artikel portal MalaysiaKini tersebut membawa maksud dan/atau mesej dan memberikan gambaran penuh terhadap apa yang terkandung dalam Ucapan tersebut.
24. Perenggan 8 dan Perenggan 8(i) hingga Perenggan 8(v) Penyataan Tuntutan diakui setakat fakta bahawa Defendan telah menyebut nama Plaintiff dalam Ucapan tersebut.
25. Perenggan 9 dan Perenggan 9(i) hingga Perenggan 9(ii) Penyataan Tuntuan adalah dirujuk dan Defendan dengan ini mengulangi dan menggunakanapakai keseluruhan Perenggan 22 dan Perenggan 22.1 hingga Perenggan 23.5 di atas.

#### **BAHAGIAN D - PERKATAAN FITNAH & MAKSUD**

26. Plaintiff merujuk kepada keseluruhan Perenggan 10 hingga Perenggan 13 Penyataan Tuntutan yang mana dinafikan dan Plaintiff diletakkan dengan beban bukti yang kukuh untuk membuktikan tiap-tiap tuduhan yang dinyatakan. Defendan juga merujuk dan menggunakanapakai Perenggan 7 dan Perenggan 7.1 hingga Perenggan 7.2 di atas.
27. Tanpa prejudis kepada Perenggan di atas, Defendan selanjutnya memplidkan bahawa sekiranya benar Defendan mengeluarkan sebahagian kenyataan



yang dinyatakan di Perenggan 11 Penyataan Tuntutan, kenyataan-kenyataan tersebut telah dibuat berdasarkan kepada fakta jelas di Bahagian B dalam Pembelaan di atas yang mana diulangi semula seperti berikut:

- 27.1 Fakta bahawa Plaintiff sememangnya telah dipecat daripada jawatannya dalam kabinet selaku Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan kemudiannya dipecat daripada menjadi Timbalan Presiden UMNO dan ahli UMNO pada September 1998 atas isu moral sepertimana yang disahkan oleh Perdana Menteri Ke-4, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO pada ketika itu;
- 27.2 Fakta bahawa Mahkamah Persekutuan telah membuat penemuan fakta (finding of fact) berkenaan dengan keterlibatan Plaintiff dengan aktiviti homoseksual berdasarkan kepada rekod penghakiman bertulis Mahkamah Persekutuan dan juga beberapa siri penulisan oleh bekas Ketua Hakim Negara; Tun Abdul Hamid selepas daripada pengampunan diberikan;
- 27.3 Fakta bahawa Plaintiff sememangnya telah disabitkan dengan Pertuduhan Jenayah Liwat II tersebut oleh Mahkamah Persekutuan;
- 27.4 Fakta bahawa sememangnya terdapat satu dakwaan oleh Yusoff Rawther bahawa Plaintiff telah melakukan serangan seksual ke atasnya sebagaimana yang diperincikan dalam akuan sumpahnya dan juga kes Mahkamah yang difailkan terhadap Plaintiff;
- 27.5 Fakta bahawa pengampunan dan pembebasan Plaintiff telah dibuat dalam garis masa dan dalam keadaan-keadaan (circumstances) berikut:
  - (a) Adalah satu fakta bahawa Tun Dr. Mahathir bin Mohamed telah mengumumkan kepada masyarakat awam bahawa YDPA telah bersetuju untuk memberikan pengampunan penuh kepada



Plaintif pada 11.05.2018 - iaitu sebelum Lembaga Pengampunan bersidang;

(b) Adalah satu fakta bahawa Plaintiff mendakwa YDPA telah menghubungi beliau dan menyatakan bahawa baginda bersetuju untuk memberikan pengampunan kepada beliau sebelum Lembaga Pengampunan bersidang.

(c) Adalah satu fakta bahawa pengampunan dan pembebasan Plaintiff telah dibuat selepas Pakatan Harapan memenangi Pilihanraya Umum Ke-14 dan membentuk kerajaan.

27.6 Fakta bahawa cara dan situasi tentang bagaimana keputusan pengampunan Plaintiff dihebahkan kepada masyarakat awam telah membawa kepada Persepsi dan Andaian Munasabah tersebut sebagaimana yang diplidkan di Perenggan 19 dan Perenggan 19.1 hingga Perenggan 19.5 di atas.

28. Plaintiff seterusnya merujuk kepada Perenggan 14 dan Perenggan 15 Penyataan Tuntutan yang mana dinafikan sekeras-kerasnya. Defendan dengan ini mengulangi dan menggunakan keseluruhan Perenggan 27.1 hingga Perenggan 27.6 di atas.

29. Perenggan 16 dan Perenggan 16(i) hingga Perenggan 16(xiii) Penyataan Tuntutan adalah dinafikan dan Plaintiff diletakkan dengan beban bukti yang kukuh untuk membuktikan bahawa Ucapan tersebut mengandungi butiran-butiran yang dinyatakan. Defendan selanjutnya memplidkan bahawa maksud yang kononnya difahami oleh Plaintiff sebagai maksud biasa dan semula jadinya, pada permukaannya dan/atau dalam apa jua konteksnya, sebagaimana yang diplidkan adalah maksud-maksud yang tersasar seperti berikut:

29.1 Difahami diluar konteks maksud sebenar Ucapan tersebut;



- 29.2 Difahami tanpa langsung mengambil kira latar belakang dan keadaan sebagaimana diplidkan dalam Bahagian B Pembelaan ini;
- 29.3 Mengandungi maksud-maksud yang diperbesar-besarkan sehingga jauh tersasar daripada maksud sebenar Ucapan tersebut;
- 29.4 Mengandungi maksud-maksud yang dinyatakan secara ekstrem untuk kononnya menggambarkan kandungan fitnah yang teruk dalam Ucapan tersebut;
- 29.5 Plaintiff juga telah secara salah mentafsir Ucapan tersebut akibat daripada tindakan Plaintiff yang tidak mendengar atau mengambil maksud secara keseluruhan Ucapan tersebut malah memilih untuk mengambil cuplikan yang dikira sesuai bagi mencapai maksud tersendiri Plaintiff; dan
- 29.6 Defendan tidak pernah menyentuh soal butiran yang dinyatakan di Perenggan 16(i) hingga Perenggan 16(xiii) Penyataan Tuntutan.
30. Perenggan 17 dan Perenggan 17(i) hingga Perenggan 17(xiii) Penyataan Tuntutan adalah dinafikan dan Plaintiff diletakkan dengan beban bukti yang kukuh untuk membuktikan bahawa Ucapan tersebut mengandungi butiran-butiran yang dinyatakan. Defendan selanjutnya memplidkan seperti berikut:
- 30.1 Defendan tidak bertanggungjawab ke atas kandungan Artikel portal MalaysiaKini tersebut yang telah diolah oleh pihak ketiga di luar kawalan dan pengetahuan Defendan. Defendan mengulangi dan menggunakan keseluruhan Perenggan 23 dan Perenggan 23.1 hingga Perenggan 23.5 di atas untuk efek sepenuhnya;
- 30.2 Secara alternatif, butiran yang diberikan oleh Plaintiff tersebut adalah perkara -perkara yang diperbesar-besarkan oleh Plaintiff tanpa apa-apa sandaran;



- 30.3 Segala dakwaan dalam butiran yang diberikan oleh Plaintiff adalah satu pengataan yang telah diambil dan dinilai tidak berdasarkan konteks sebenar dan maksud sebenar Ucapan tersebut dan secara alternatifnya Defendan menilai dengan maksud berbeza;
- 30.4 Plaintiff juga telah secara salah mentafsir Ucapan tersebut akibat daripada tindakan Plaintiff yang tidak mendengar atau mengambil maksud secara keseluruhan Ucapan tersebut malah memilih untuk mengambil cuplikan yang dikira sesuai bagi mencapai maksud tersendiri Plaintiff; dan
- 30.5 Defendan tidak pernah menyentuh soal butiran yang dinyatakan di Perenggan 17(i) hingga Perenggan 17(xiii) Penyataan Tuntutan.
31. Perenggan 18 dan Perenggan 18(i) hingga Perenggan 18(xiv) Penyataan Tuntutan adalah dinafikan dan Plaintiff diletakkan dengan beban bukti yang kukuh untuk membuktikan tiap-tiap satu pernyataan. Defendan selanjutnya memplidkan seperti berikut:
- 31.1 Defendan tidak pernah berniat jahat untuk menghasut orang ramai dengan cara memfitnah Plaintiff dengan perkara-perkara yang tidak benar. Sebaliknya, Defendan sekadar memberikan kritikan terhadap Plaintiff berdasarkan fakta-fakta latar belakang sebagaimana yang diplidkan di Bahagian B Pembelaan di atas;
- 31.2 Dalam tempoh kempen pilihanraya bagi PRU-15, Plaintiff secara peribadi telah membuat pelbagai tohmahan ke atas parti-parti lain yang bertanding yang mana tohmahan yang dibuat oleh Plaintiff bukan sahaja dalam bentuk kritikan bahkan mengandungi fitnah dan tuduhan yang ekstrem;
- 31.3 Oleh yang demikian, adalah tidak munasabah dan menghairankan untuk seorang politikus seperti Plaintiff yang suka menuduh politikus-politikus lain dengan kata-kata seperti “penyamun”, “bodoh” dan



pelbagai lagi tiba-tiba berasa sensitif apabila parti lawan memberikan komen dan kritikan berdasarkan latar belakang beliau yang sudah diketahui umum;

- 31.4 Plaintiff tidak seharusnya menjadi seorang yang mudah tersinggung "thin skinned" terutamanya ketika kempen pilihanraya memandangkan Plaintiff sendiri bersikap suka menuduh;
- 31.5 Bagi memudahkan Mahkamah yang Mulia ini, Defendant akan merujuk satu persatu (atau secara bersesama sekiranya berkait) butiran yang dinyatakan oleh Plaintiff dalam Perenggan 18(i) hingga Perenggan 18(xiv) Penyataan Tuntutan:
  - (a) Merujuk kepada Perenggan 18(i) Penyataan Tuntutan, ianya adalah dinafikan dan Defendant mengulangi pernyataan di Perenggan 27 dan Perenggan 27.1 hingga Perenggan 27.6 di atas;
  - (b) Merujuk kepada Perenggan 18(ii) Penyataan Tuntutan, Plaintiff diletakkan beban yang kukuh untuk membuktikan imej dan reputasi yang diperkatakan. Defendant juga ingin menegaskan bahawa:
    - i. Dalam apa jua keadaan, walau apa pun reputasi dan imej yang diperkatakan oleh Plaintiff, ianya tidak boleh menafikan dan/atau menghalang Defendant dan/atau mana-mana individu untuk bercakap dan menyebut fakta-fakta latar belakang berkaitan Plaintiff;
    - ii. Defendant juga tidak pernah menyebut (dalam konteks Ucapan tersebut) bahawa Plaintiff adalah anti kepada Kedaulatan Undang-Undang.



- (c) Merujuk kepada Perenggan 18(iii) Penyataan Tuntutan, walau apa pun pendirian yang dibuat oleh Plaintiff termasuklah pembelaan Plaintiff terhadap sebab pemecatan beliau daripada UMNO dan kabinet pada 1998 dan/atau Pertuduhan Salah Laku Jenayah tersebut dan/atau Pertuduhan Jenayah Liwat I tersebut dan/atau Pertuduhan Jenayah Liwat II tersebut, ianya tidak mengubah fakta dan rekod-rekod mahkamah bahawasanya ianya benar-benar berlaku sebagaimana yang diplidkan Defendan di Bahagian B Pembelaan di atas;
- (d) Merujuk kepada Perenggan 18(iv) Penyataan Tuntutan, ianya adalah tidak relevan memandangkan Ucapan tersebut langsung tidak menafikan apa-apa pencapaian Plaintiff ketika memegang jawatan selaku Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia. Ianya juga tidak mengubah fakta tentang perkara-perkara yang berlaku sebagaimana yang diplidkan di bahagian B Pembelaan di atas;
- (e) Merujuk kepada Perenggan 18(v) dan Perenggan 18(vi) Penyataan Tuntutan, Defendan dengan ini menyatakan seperti berikut:
- i. Dakwaan Plaintiff bahawa pemecatan beliau dibuat secara tidak tertib dan teruk pada tahun 1998, sehingga kini, hanyalah satu dakwaan oleh Plaintiff;
  - ii. Sebaliknya, rekod menunjukkan bahawa pemecatan Plaintiff daripada UMNO dan juga daripada kabinet kerajaan pada 1998, sehingga kini, masih lagi sah mengikut undang-undang;
  - iii. Ini juga termasuklah kegagalan Plaintiff untuk mendapatkan deklarasi daripada Mahkamah bahawa pemecatan tersebut adalah tidak sah dan tidak



berperlembagaan apabila tindakan saman tersebut dibatalkan oleh Mahkamah (***rujuk penghakiman dalam kes Dato' Seri Anwar Ibrahim v. Perdana Menteri, Malaysia & Anor [199] 1 CLJ 621***); dan

- iv. Atas sebab itu, Defendan tidak boleh dikatakan memfitnah Plaintiff apabila sekadar merujuk kepada pemecatan dan sebab pemecatan tersebut sebagaimana yang dinyatakan dan disahkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri pada masa yang material;

(Bukti-bukti berkaitan akan dikemukakan semasa perbicaraan kelak)

- v. Berkenaan dakwaan Plaintiff berkenaan dengan konspirasi politik untuk menjatuhkan beliau, ianya masih kekal satu dakwaan memandangkan tidak ada satu pun deklarasi daripada Mahkamah dan/atau hasil laporan daripada siasatan mana-mana pihak bahawa Pertuduhan Salah Laku Jenayah tersebut dan/atau Pertuduhan Jenayah Liwat I tersebut dan/atau Pertuduhan Jenayah Liwat II tersebut adalah sebahagian daripada konspirasi politik untuk menjatuhkan reputasi dan/atau imej Plaintiff.

- (f) Merujuk kepada Perenggan 18(vii) Penyataan Tuntutan, ianya adalah dinafikan. Defendan dengan ini menegaskan seperti berikut:

- i. Berdasarkan kepada Perintah Pengampunan Penuh dan Pengampunan Serta Merta tersebut, ianya langsung tidak dinyatakan bahawa YDPA telah memberikan pengampunan kepada Plaintiff atas sebab-sebab



sebagaimana yang dinyatakan oleh Plaintiff di Perenggan 18(v) dan/atau Perenggan 18(vi);

- ii. Sebaliknya, Perintah Pengampunan Penuh dan Pengampunan Serta Merta tersebut langsung tidak menyatakan sebab pengampunan diberikan melainkan sekadar menyatakan bahawa Plaintiff perlu diberikan belas kasihan (mercy);
- iii. Malah, pada hakikatnya, Perintah Pengampunan Penuh dan Pengampunan Serta Merta tersebut juga langsung tidak disebutkan bahawa kononnya kesemuanya rekod kesalahan jenayah Plaintiff telah dipadamkan sepenuhnya seperti yang didakwa oleh Plaintiff di Perenggan 18(vii) Penyataan Tuntutan;
- iv. Oleh yang demikian, segala rekod latar belakang Plaintiff terutamanya Pertuduhan Salah Laku Jenayah tersebut kekal sebagai satu kesalahan manakala penghakiman Mahkamah Persekutuan dalam Pertuduhan Jenayah Liwat I juga kekal sebagai satu rekod mahkamah yang tidak terganggu gugat;
- v. Secara alternatif, Defendan menegaskan bahawa sekiranya Perintah Pengampunan Penuh dan Pengampunan Serta Merta tersebut adalah berkaitan dengan kesemua pertuduhan dan/atau sabitan jenayah ke atas Plaintiff (yang mana dinafikan), ianya tidak bersifat mengenepikan sabitan-sabitan lampau atau terjumlah kepada pemadaman kesemuanya rekod Mahkamah (termasuk dan tidak terhad kepada bukti-bukti dokumen dan keterangan saksi-saksi yang diterima dalam perbicaraan dan diakui sah serta penghakiman bertulis hakim-hakim) yang melibatkan Pertuduhan Kes Salah



Laku Jenayah tersebut dan/atau Pertuduhan Jenayah Liwat I tersebut dan/atau Pertuduhan Jenayah Liwat II tersebut.

- (g) Merujuk kepada Perenggan 18(viii) Penyataan Tuntutan, ianya adalah dinafikan dan Defendan dengan ini mengulangi keseluruhan penyataan Defendan di atas untuk efek sepenuhnya. Defendan juga dengan ini menegaskan bahawa Ucapan tersebut langsung tidak memudaratkan imej dan reputasi Plaintiff kerana ianya adalah fakta-fakta yang benar dan juga yang telah diketahui oleh masyarakat umum di dalam negara khususnya;
- (h) Merujuk kepada Perenggan 18(ix) Penyataan Tuntutan, ianya adalah dinafikan dan Defendan dengan ini mengulangi kesemua penyataan Defendan di atas terutamanya berkenaan dengan fakta-fakta berkenaan dengan pemecatan Plaintiff dan kesemua pertuduhan di Mahkamah serta kandungan sebenar Perintah Pengampunan Penuh dan Pengampunan Serta Merta tersebut. Defendan juga dengan ini menegaskan bahawa:
- i. Plaintiff telah tersalah anggap apabila seolah-olah mendakwa bahawa Defendan sedang mempersoalkan kuasa YDPA untuk memberikan pengampunan, walhal Defendan tidak pernah mempertikaikan kuasa YDPA untuk berbuat sedemikian di bawah Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan;
  - ii. Sebaliknya, apa yang dinyatakan oleh Defendan dalam Ucapan tersebut adalah berasas kerana ianya dibuat berdasarkan fakta-fakta yang berlaku pada masa itu yang membawa kepada Persepsi dan Andaian Munasabah tersebut;



- iii. Sekiranya seorang Perdana Menteri dan juga seorang bekas Ketua Hakim Negara boleh merasakan bahawa pengampunan tersebut seolah-olah telah diberikan lebih awal sebelum Lembaga Pengampunan bersidang, Defendan selaku salah seorang ahli masyarakat juga berhak dan layak untuk mempunyai persepsi dan andaian yang sama;
- iv. Keputusan yang diberikan oleh Mahkamah Rayuan tentang keabsahan pengampunan tersebut pada sekitar September 2021 juga (jika benar sekalipun) adalah tidak relevan kerana, melainkan menyatakan situasi dan perkara-perkara yang berlaku sebelum pengampunan diberikan berdasarkan Andaian dan Persepsi Munasabah tersebut, Defendan tidak pernah mencabar keabsahan pengampunan;
- v. Plaintiff juga telah tersalah anggap tentang maksud dan kandungan sebenar Perintah Pengampunan Penuh dan Pengampunan Serta Merta tersebut apabila mendakwa bahawa Defendan secara salah cuba menggambarkan kepada masyarakat umum bahawa Plaintiff adalah bekas banduan;
- vi. Walhal, ianya adalah benar memandangkan kandungan sebenar Perintah Pengampunan Penuh dan Pengampunan Serta Merta tersebut tidak mengambil kira sabitan Plaintiff dalam Pertuduhan Jenayah Salah Laku tersebut;
- vii. Atas sebab itu, Plaintiff telah tersalah anggap tentang sejauh mana pengampunan tersebut terpakai.



S/N rwYbwWCgbE6QRCTwYgbRw

\*\*Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

- (i) Perenggan 18(x) sehingga Perenggan 18(xiii) Penyataan Tuntutan adalah dinafikan dan Plaintiff diletakkan dengan beban bukti yang kukuh untuk membuktikan dakwaan yang dinyatakan. Defendan dengan ini juga mengulangi dan menggunakan keseluruhan penyataan yang diplidkan dalam Pembelaan ini.
  - (j) Perenggan 18(xiv) Penyataan Tuntutan adalah dirujuk dan dinafikan. Defendan menegaskan bahawa tiada keperluan untuk Defendan memohon maaf kepada Plaintiff untuk perkara-perkara yang sememangnya satu kebenaran.
32. Perenggan 19 dan Perenggan 19(i) hingga Perenggan 19(ix) Penyataan Tuntutan adalah dinafikan dan Plaintiff diletakkan dengan beban bukti yang kukuh untuk membuktikan bahawa Ucapan tersebut dibuat dengan niat jahat. Defendan dengan ini juga menegaskan seperti berikut:
- 32.1 Kesemua dakwaan yang dinyatakan oleh Plaintiff adalah satu salah anggap oleh Plaintiff yang tersasar daripada maksud-maksud asal Ucapan tersebut dibuat; dan
  - 32.2 Bagi mengelak pengulangan yang tidak perlu, Defendan mengulangi dan menggunakan keseluruhan Perenggan 30 dan Perenggan 30.1 hingga Perenggan 30.5 di atas untuk efek sepenuhnya.
33. Perenggan 20 Penyataan Tuntutan adalah dinafikan dan Plaintiff diletakkan dengan beban bukti yang kukuh untuk membuktikan tiap-tiap penyalatan yang diplidkan.
34. Perenggan 21 Penyataan Tuntutan adalah dinafikan dan Plaintiff diletakkan dengan beban bukti yang kukuh. Defendan juga dengan ini menegaskan seperti berikut:
- 34.1 Tidak timbul isu Plaintiff berasa tertekan, murung dan malu kerana Plaintiff seharusnya telah bersedia dan memahami tuntutan dan beban



- sebagai seorang politikus yang sentiasa menerima cemuhan, teguran dan kritikan daripada masyarakat;
- 34.2 Tidak timbul isu Plaintiff berasa tertekan, murung dan malu kerana Plaintiff masih terus berdepan dengan masyarakat seperti biasa termasuk menghadiri majlis-majlis formal, ceramah-ceramah mahupun berdepan dengan wartawan, walaupun setelah Ucapan tersebut disiarkan;
- 34.3 Sekiranya Ucapan tersebut tidak disebut oleh Defendan sekalipun, latar belakang Plaintiff telah banyak diperkata dalam masyarakat sama ada di dalam media arus perdana, media sosial mahupun perbualan sosial dalam masyarakat; dan
- 34.4 Sekiranya Ucapan tersebut tidak disebut oleh Defendan sekalipun, latar belakang Plaintiff telah diperkata dan diperbahas oleh ahli-ahli politik, pemimpin-pemimpin masyarakat dalam pelbagai wacana, kenyataan dan pendapat.
35. Keseluruhan Perenggan 22 hingga Perenggan 23 Penyataan Tuntutan adalah dinafikan dan Defendan dengan ini meletakkan beban bukti yang ketat dan kukuh kepada Plaintiff untuk membuktikan setiap satu “*head of damages*” yang dipohon. Defendan juga dengan ini memplidkan bahawa tidak terdapat sebarang faktor yang relevan untuk melayakkan Plaintiff menuntut tiap-tiap ganti rugi yang dinyatakan.
36. Perenggan 24 Penyataan Tuntuan adalah diakui setakat fakta bahawa Defendan telah menerima satu surat tuntutan daripada peguamcara Plaintiff dan Defendan telah membalas surat tersebut melalui surat peguamcara Defendan bertarikh 07.12.2022.
37. Perenggan 25 Penyataan Tuntutan adalah dirujuk dan dinafikan. Defendan dengan ini menegaskan bahawa permohonan Plaintiff untuk mendapatkan injunksi ini adalah satu cubaan untuk menafikan hak kebebasan bersuara



yang dijamin di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan dan bertentangan dengan polisi awam (public policy) dengan cuba menghalang Defendan atau masyarakat awam daripada menyebut fakta-fakta sebenar berkait dengan Plaintiff seolah-olah Plaintiff kebal (immune) daripada kritikan.

## **BAHAGIAN E – PEMBELAAN JUSTIFIKASI**

38. Sekiranya Mahkamah yang Mulia ini memutuskan bahawa Ucapan tersebut mengandungi kata-kata fitnah (yang mana dinafikan sekeras-kerasnya), Defendan menegaskan bahawa Ucapan tersebut secara keseluruhannya dan/atau secara substantifnya adalah benar di dalam maksud sebenar dengan mengambil kira segala dan/atau setiap dari fakta-fakta seperti yang diplidkan dalam Bahagian B Pembelaan ini.

## **BUTIR-BUTIR PEMBELAAN JUSTIFIKASI**

39. Butir-butir Pembelaan Justifikasi adalah sepetimana berikut:
  - 39.1 Ucapan tersebut adalah berdasarkan fakta yang benar bahawa sememangnya Plaintiff dipecat daripada kabinet dan daripada UMNO atas isu moral sebagaimana yang disahkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad;
  - 39.2 Ucapan tersebut adalah berdasarkan fakta yang benar bahawa sememangnya Plaintiff telah disabitkan bersalah atas Pertuduhan Jenayah Salah Laku tersebut;
  - 39.3 Ucapan tersebut adalah berdasarkan fakta yang benar bahawa Mahkamah Persekutuan telah membuat penemuan fakta bahawa Plaintiff terlibat dalam amalan homoseksual;
  - 39.4 Ucapan tersebut adalah berdasarkan fakta yang benar bahawa Tun Abdul Hamid; selaku bekas Ketua Hakim Negara dan juga hakim



- Mahkamah Persekutuan yang memberi penghakiman dalam Pertuduhan Jenayah Liwat I tersebut telah mengesahkan dalam penulisan beliau pada tahun 2018 bahawa beliau percaya Plaintiff terlibat dalam amalan homoseksual;
- 39.5 Ucapan tersebut adalah berdasarkan fakta yang benar berkenaan dengan dakwaan serangan seksual sebagaimana yang dinyatakan oleh Yusoff Rawther dalam akuan sumpahnya dan juga dalam tindakan saman mahkamahnya terhadap Plaintiff;
- 39.6 Ucapan tersebut adalah berdasarkan fakta yang benar bahawa wujudnya Persepsi dan Andaian Munasabah tersebut dalam kalangan masyarakat akibat daripada keadaan (circumstances) pengampunan diberikan oleh YDPA; dan
- 39.7 Ucapan tersebut adalah berdasarkan fakta yang benar setelah mengambil kira inti pati dan isi kandungan Perintah Pengampunan Penuh dan Pengampunan Serta Merta tersebut.
40. Defendan selanjutnya merujuk kepada keseluruhan Bahagian B dalam Pembelaan ini sebagai sandaran kepada Pembelaan Justifikasi ini.

#### **BAHAGIAN F – PEMBELAAN PERLINDUNGAN BERSYARAT**

41. Selanjutnya dan secara alternatifnya, sekiranya Ucapan tersebut mengandungi kata-kata fitnah (yang mana dinafikan sekeras-kerasnya, Defendan menegaskan bahawa perkataan-perkataan tersebut telah diterbitkan dalam keadaan perlindungan bersyarat (qualified privilege) tanpa sebarang niat jahat.
42. Defendan akan bergantung kepada pembelaan Perlindungan Bersyarat (Qualified Privilege) dan/atau Perlindungan Bersyarat dibawah undang-



undang kelaziman (Common Law Qualified Privilege) dan/atau Perlindungan Reynolds (Reynolds Privilege) dalam tindakan ini.

**BUTIR-BUTIR PERLINDUNGAN BERSYARAT (QUALIFIED PRIVILEGE)**  
**DAN/ATAU PERLINDUNGAN BERSYARAT DIBAWAH UNDANG-UNDANG**  
**KELAZIMAN (COMMON LAW QUALIFIED PRIVILEGE) DAN/ATAU**  
**PERLINDUNGAN REYNOLDS (REYNOLDS' PRIVILEGE)**

43. Butir-butir pembelaan Perlindungan Bersyarat (Qualified Privilege) dan/atau Perlindungan Bersyarat dibawah undang-undang kelaziman (Common Law Qualified Privilege) dan/atau Perlindungan Reynolds (Reynolds Privilege) adalah sepetimana berikut:
- 43.1 Defendan menegaskan bahawa sebagai seorang pemimpin masyarakat, Defendan berada di bawah tanggungjawab politik dan/atau moral dan/atau sosial dan/atau undang-undang untuk memaklumkan kepada masyarakat awam, khususnya kepada para pengundi dan masyarakat umum;
- 43.2 Para pengundi juga adalah berhak untuk menerima komen-komen tersebut bagi membuat keputusan yang sewajarnya semasa PRU-15 bagi memilih pemimpin yang difikirkan sesuai memandangkan Plaintiff adalah seorang individu yang menawarkan diri untuk bertanding dan pada masa yang sama turut serta membuat tuduhan-tuduhan ke atas parti lawan bagi meraih undi;
- 43.3 Atas sebab itu, masyarakat khususnya pengundi mempunyai kepentingan timbal balas (corresponding interest) untuk menerima maklumat sedemikian. Apatah lagi dalam kempen pilihanraya, mereka perlu membuat keputusan demi masa depan negara;
- 43.4 Defendan juga telah membuat semakan kepada fakta-fakta latar belakang Plaintiff sebelum ini yang mana kesemuanya adalah dari sumber yang sah dan yang dipercayai; dan



- 43.5 Defendan juga menegaskan bahawa Defendan berada di bawah tanggungjawab politik dan/atau moral dan/atau sosial untuk menyebarkan pandangan berbeza berkenaan dengan sejauh mana kesan dan pengaplikasian Perintah Pengampunan Penuh dan Pengampunan Serta Merta tersebut untuk meraikan perbezaan pandangan yang telah berlaku dengan seriusnya dalam masyarakat khususnya berkenaan isu pengampunan dan latar belakang Plaintiff sebagaimana Persepsi dan Andaian Munasabah tersebut.
44. Plaintiff selaku seorang politikus seharusnya berani bertanggungjawab atas fakta-fakta yang dinyatakan oleh Defendan dan tidak tersinggung dengan teguran, saranan dan kritikan yang dibuat oleh Defendan dan masyarakat amnya.
45. Defendan menegaskan bahawa Defendan tidak pernah mempunyai apa-apa niat jahat ke atas Plaintiff dalam menyebut Ucapan tersebut selain daripada memberi kritikan ke atas Plaintiff bagi tujuan kempen pilihanraya.

#### **BAHAGIAN G – PEMBELAAN ULASAN SAKSAMA (FAIR COMMENT)**

46. Selanjutnya dan secara alternatifnya, sekiranya Ucapan tersebut mengandungi kata-kata fitnah (yang mana dinafikan sekeras-kerasnya) Defendan menegaskan bahawa perkataan-perkataan tersebut adalah ulasan saksama tanpa sebarang niat jahat.

#### **BUTIR-BUTIR ULASAN SAKSAMA (FAIR COMMENT)**

47. Defendan menegaskan bahawa Ucapan tersebut adalah ulasan saksama yang dibuat oleh Defendan berdasarkan perkara-perkara berikut: -



- 47.1 Ia adalah ulasan saksama bersandarkan kepada rekod dan fakta latar belakang Plaintiff sebagaimana yang diplidkan di Bahagian B Pembelaan ini;
  - 47.2 Ia adalah ulasan saksama bersandarkan kepada fakta-fakta yang berlaku yang diketahui secara umum oleh masyarakat;
  - 47.3 Ia adalah ulasan saksama bersandarkan kepada pendapat ramai pemimpin-pemimpin masyarakat, bekas Ketua Hakim Negara dan juga orang awam terhadap Plaintiff; dan
  - 47.4 Ia adalah ulasan saksama kerana Defendan tidak menggunakan perkataan-perkataan mencela, merendah-rendahkan dan/atau menghina ke atas Plaintiff.
48. Lanjutan daripada pembelaan justifikasi, perlindungan bersyarat dan ulasan saksama yang diplidkan diatas, Defendan juga menegaskan bahawa Defendan hanyalah menjalankan tanggungjawab dan hak asasi Defendan untuk menyuburkan kebebasan bersuara yang dijamin dibawah Perlembagaan Persekutuan, sebagaimana juga Plaintiff yang bukan sahaja mengkritik, bahkan membuat tuduhan-tuduhan keras ke atas parti lawan dalam tempoh kempen pilihanraya.
  49. Oleh yang demikian, Ucapan tersebut yang memberi sudut pandang berbeza dan kritikan ke atas Plaintiff bersandarkan kepada fakta dan rekod yang benar berkaitan Plaintiff tidak seharusnya disekat dan dikenakan tindakan undang-undang.
  50. Melainkan perkara-perkara yang telah diakui secara tersurat, Defendan menafikan setiap dan segala dakwaan di dalam Pernyataan Tuntutan seperti yang dinyatakan di atas dan dinafikan secara khusus seolah-olah ianya dinafikan satu persatu.



51. Berdasarkan pengataan-pengataan di atas, Defendan memohon agar tuntutan Plaintiff ditolak dengan kos.

Bertarikh pada 13 haribulan Februari, 2023

  
TETUAN YUSFARIZAL, AZIZ & ZAID  
Peguamcara bagi pihak Defendan

**PERNYATAAN PEMBELAAN DEFENDAN** ini difaikkan oleh **TETUAN YUSFARIZAL AZIZ & ZAID**, Peguamcara Defendan yang beralamat di Unit 01-26 & 01-27, Maxim Citylights Sentul, No. 25 Jalan Sentul Perdana, 51000 Kuala Lumpur  
Tel: 03-40320949 Fax: 03-2724 3865  
[Ruj: YAZ.1.1.441.2022]



S/N rwYbwWCgbE6QRCTwYgbRw

\*\*Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal